

Bab 1

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Secara umumnya, pengajaran bahasa mementingkan empat jenis kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di antara keempat-empat kemahiran ini, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai. Kemahiran menulis adalah antara kemahiran berbahasa yang amat penting dan perlu dikuasai oleh setiap pelajar sejak dari sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Oleh itu, di sekolah rendah mahupun sekolah menengah serta di institusi pengajian tinggi, kebolehan pelajar dalam menghasilkan karangan amat dititikberatkan. Menurut Abdul Aziz (1985), menulis karangan merupakan teknik pengujian yang paling kerap digunakan bagi menguji kemahiran penulisan pelajar-pelajar.

Menurut Raimes (1983), seseorang pelajar itu, dalam usaha untuk menghasilkan karangan yang jelas, lancar dan menghasilkan komunikasi idea yang berkesan, perlu berhadapan dengan aspek mekanis (tulisan tangan, ejaan dan tanda baca); proses menulis seseorang penulis (mendapatkan idea, memulakan penulisan, menulis draf dan menyemak); isi (kesesuaian, kejelasan, keaslian, logik dan sebagainya); tatabahasa (peraturan kata kerja, pelengkap, kata ganti nama dan sebagainya) dan organisasi (perenggan, tajuk dan sokongannya, kohesi dan kesinambungan serta kesepaduan). Oleh itu, para pelajar perlu diajar dan dilatih untuk menulis sebuah karangan yang bermutu.

Pernyataan Masalah

Kemahiran dan penguasaan bahasa adalah amat penting bagi seseorang individu kerana kedua-dua aspek ini akan menjadi penentu utama kepada kemajuan dari segi melanjutkan pelajaran mahupun menghadapi dunia pekerjaan. Walaupun kemahiran dan penguasaan bahasa meliputi aspek penulisan, namun didapati sesetengah pelajar yang sedang menuntut dan yang bekerja kurang berkemampuan melahirkan idea mereka dalam bentuk penulisan. Kritikan terhadap aspek penulisan dilahirkan dalam akhbar “New Straits Times” (27 Ogos 1990), khususnya tentang ketidakcekan golongan mahasiswa di peringkat universiti dalam menghuraikan sesuatu idea secara jelas dalam bahasa Malaysia, khasnya dalam bidang penulisan.

Sebenarnya, bukan sahaja pelajar sekolah rendah yang akan melangkah masuk ke sekolah menengah menghadapi masalah untuk menghasilkan sebuah karangan yang sesuai dengan peringkat persekolahan mereka malah lebih menyediakan lagi apabila sesetengah lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang telah melalui sistem persekolahan menengah di negara kita juga tidak berupaya menghasilkan sebuah karangan yang baik setelah menerima pendidikan bahasa tidak kurang daripada 13 tahun. Jadi, bagaimanakah pula tahap pencapaian mahasiswa di institusi-institusi pengajian tinggi? Kebolehan mahasiswa dalam aspek penulisan perlulah dititikberatkan kerana mereka inilah yang bakal menerajui pucuk pimpinan negara setelah mencebur alam kerjaya.

Majlis Peperiksaan Malaysia telah mendapati bahawa aspek kelemahan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia bagi kebanyakan tahun ialah aspek isi dan bahasa. Berikut adalah antara kelemahan yang dikemukakan dalam Laporan peperiksaan S.T.P.M. bagi kebanyakan tahun :

(a) Isi

- (i) Idea utama yang dikemukakan tidak konkret, terlalu panjang, sipi, tidak relevan dengan tajuk dan sangat umum.
- (ii) Isi yang dikemukakan tidak menunjukkan kematangan dan keluasan pengetahuan yang mendalam tentang isu yang dibincangkan.
- (iii) Tidak menguasai kemahiran memperkembangkan isi dengan kemas dan berkesan.
- (iv) Binaan wacana longgar dan kehilangan fokus dalam satu perenggan.
- (v) Isi yang berulang.

(b) Bahasa

- (i) Kesalahan struktur ayat (ayat-ayat terlalu panjang dan ayat tergantung).
- (ii) Ayat menunjukkan pengaruh bahasa asing, bahasa ibunda dan bahasa lisan tidak formal.
- (iii) Kesalahan ejaan dan tanda bacaan.
- (iv) Kesalahan pemilihan kata dan istilah, kesalahan penggunaan imbuhan, kata pemerl, artikel, kata tunjuk dan kata hubung.

Penekanan yang lebih harus diberikan kepada mahasiswa dalam aspek penulisan.

Ini adalah kerana para mahasiswa akan menceburji bidang kerjaya kelak. Rata-rata, kebanyakan jenis pekerjaan memerlukan kemahiran menulis yang berkesan dan bermutu. Oleh itu, adalah sangat penting jika kajian yang melibatkan tahap penulisan dan kebolehan mahasiswa menulis dijalankan. Sehingga kini, tiada satu kajian pun di Malaysia mengenai kebolehan mahasiswa menulis. Dengan ini pengkaji mengambil peluang ini untuk menilai kebolehan mahasiswa Pusat Pengajian Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia dalam penghasilan karangan jenis perbincangan setelah mereka diajar kursus LKM 400 (Bahasa

Malaysia IV) selama 12 minggu. Dengan ini, bukan sahaja tahap kebolehan mahasiswa dapat diperoleh tetapi juga keberkesanannya kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) yang dikendalikan di Universiti Sains Malaysia.

Pengkaji memilih bentuk penulisan karangan untuk kajian ini kerana memikirkan bentuk tulisan ini lebih praktikal dan dapat menggambarkan tahap kebolehan pelajar dari segi penyampaian isi dengan menggunakan bahasa yang gramatis. Pemilihan soalan karangan jenis perbincangan pula adalah kerana karangan jenis ini merupakan jenis karangan yang memang dikemukakan pada setiap semester dalam kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) peringkat universiti iaitu satu kursus yang diwajibkan pelajar lulus sebagai syarat untuk menerima ijazah.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini sangat penting kerana dapat menggambarkan keberkesanannya kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) yang ditawarkan di Universiti Sains Málaysia terutamanya dari segi penghasilan karangan jenis perbincangan menggunakan rumus-rumus tatabahasa yang betul. Secara tidak langsung, kajian ini dapat memberikan maklumat tentang tahap kebolehan mahasiswa di institusi pengajian tinggi dalam bidang penulisan.

Oleh itu, hasil kajian ini diharap akan dapat memberikan maklumat yang berguna kepada beberapa pihak terutamanya Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan serta para guru sekolah dan para pensyarah universiti. Para guru yang mengajar di sekolah perlulah memberikan perhatian yang lebih

kepada para pelajar kerana jika mereka memperoleh asas penulisan yang kukuh, ia akan membantu mereka di peringkat menara gading.

Selain itu, kajian ini adalah penting terutamanya bagi pihak Kementerian Pendidikan kerana satu kurikulum khas boleh digubal untuk mengajar para pelajar sekolah khususnya untuk menulis dengan berkesan dan bermutu. Ini akan menyediakan seseorang pelajar itu sebelum beliau melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi ataupun ke alam kerjaya yang amat memerlukan kemahiran menulis.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) terhadap mutu penulisan karangan jenis perbincangan di kalangan mahasiswa Pusat Pengajian Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia dari segi isi, organisasi , bahasa dan juga secara keseluruhan..

Soalan-soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut :

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi keseluruhan karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi isi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?

3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi organisasi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi bahasa karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dari segi keseluruhan karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dari segi isi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dari segi organisasi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dari segi bahasa karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?
9. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi keseluruhan karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?
10. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi isi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?

11. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi organisasi karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?
12. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi bahasa karangan jenis perbincangan sebelum dengan selepas pengajaran?

Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan-batasan tertentu kerana melibatkan penilaian tahap kebolehan pelajar dalam penulisan karangan jenis perbincangan yang berdasarkan pada sebuah karangan yang dihasilkan dalam masa yang terhad iaitu 85 minit setelah mereka diajar satu kursus yang melibatkan rumus-rumus tatabahasa, jenis-jenis karangan dan cara penulisan yang berkesan.

Selain itu, saiz sampel yang kecil iaitu seramai 80 orang pelajar dari Pusat Pengajian Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia juga boleh mempengaruhi kesignifikanan statistik hasil kajian yang diperoleh. Kajian ini juga hanya melibatkan pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan tanpa mengambil kira pusat pengajian yang lain. Bagi mengurangkan masalah kebolehpercayaan antara pengkadar, pengkaji sendiri yang bertindak sebagai pemeriksa.

Peristilahan

Beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

Karangan. Mengikut Raminah & Rahim (1985), karangan ialah “penglahiran” perasaan dan fikiran secara bertulis (berdasarkan tajuk yang diberikan) dalam jumlah perkataan yang terhad dan masa yang ditetapkan. Koh (1982) menerangkan bahawa karangan ialah hasil kerja mengarang iaitu satu proses melahirkan satu idea atau satu rangkaian idea dalam bentuk penulisan secara tersusun dan logik.

Karangan dalam kajian yang akan dijalankan ini akan cuba mengesan kesempurnaan karangan, khususnya jenis perbincangan, dari segi “kerelevanan” isi, penyusunan isi, struktur dan gaya, perbendaharaan kata dan organisasi.

Karangan Jenis Perbincangan. Karangan jenis perbincangan merupakan satu variasi karangan yang berkehendakkan pelajar mengemukakan pendapatnya sama ada menyatakan kebaikan, keburukan atau kebaikan dan keburukan. Karangan jenis perbincangan memerlukan banyak isi dan hujah-hujah yang mestilah disokong dengan alasan-alasan yang munasabah serta disampaikan dengan gaya yang kemas dan bersesuaian.

Selain ciri yang telah dinyatakan, karangan jenis perbincangan dalam kajian ini mengkehendaki pelajar menyatakan pendiriannya sama ada bersetuju atau tidak setuju dengan kenyataan dalam soalan karangan yang diberikan dengan mengemukakan idea-idea yang matang dan bernas serta disokong dengan hujah-hujah yang konkret. Oleh itu, aspek isi dan bahasa diberi penekanan yang sama penting dalam kajian ini kerana idea-idea yang dikemukakan mestilah disampaikan dengan menggunakan bahasa Melayu secara berkesan.

Abdul Aziz (1989) berpendapat bahawa karangan jenis perbincangan perlu mempunyai banyak isi atau bahan yang cukup untuk menyokong, menolak, membincang dan menerima sesuatu pendapat yang dibawa oleh tajuk itu. Hujah-hujah itu pula

hendaklah disokong dengan alasan-alasan yang munasabah. (Sila lihat Lampiran A bagi format karangan jenis perbincangan).

Kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV). Kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) merupakan satu kursus bahasa yang wajib diambil oleh semua pelajar Universiti Sains Malaysia iaitu satu kursus wajib universiti yang para pelajar perlu lulus sebagai syarat untuk menerima ijazah. Kursus ini dikendalikan oleh Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia. Sukatan kursus ini merangkumi kaedah penulisan yang berkesan, bentuk-bentuk karangan, kaedah memahami teks dan rumus-rumus tatabahasa. (Sila lihat Lampiran B).